

TIDAK BERI MUKA

DBKL sita barangan 8 penjaja halang jalan

Kuala Lumpur: Tidak beri muka apabila barang perniagaan lapan penjaja yang membuat halangan di tempat awam sekitar Segambut di sini, disita dalam tindakan khas pindah halangan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan, semalam memaklumkan operasi itu dibuat pihaknya melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Segambut.

“Berdasarkan pemantauan dan rondaan dijalankan, sebanyak lapan penjaja dikenakan tindakan pindah halangan mengikut Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Ia adalah atas kesalahan meletakkan barangan berkaitan dengan perniagaan di tempat awam.

“Antara barangan yang disita adalah gerai, trak makanan, khemah serta barang lain berkaitan perniagaan,” katanya.

Menurutnya, kesemua



ANGGOTA penguat kuasa DBKL melakukan tindakan khas pindah halangan dalam operasi di sekitar Segambut, Kuala Lumpur.

barangan yang diambil tindakan pindah halangan itu dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras di sini, untuk rekod dan dokumentasi.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang sudah dikenal pasti.

“Sebarang aduan, orang

awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <http://adukl.dbkl.gov.my> untuk tindakan lanjut,” katanya.